

Dr. M: Petunjuk ekonomi wajarkan nilai tambatan ringgit disemak

UM - 8 APR 2005

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 7 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan supaya nilai tambatan ringgit disemak semula supaya ia berada pada kadar yang lebih sesuai sejajar dengan pengukuhan nilai mata wang itu.

Bekas Perdana Menteri berkata, semua faktor petunjuk ekonomi antaranya penurunan nilai dolar Amerika Syarikat (AS), kenaikan harga petroleum dunia dan pengukuhan kembali ringgit menjadi pendorong kepada semakan nilai tambatan yang baru.

Bagaimanapun, beliau yang memperkenalkan tambatan

ringgit pada 1 September 1998 ketika menjadi Perdana Menteri berkata, ia terpulang kepada kerajaan untuk menerima pandangannya itu.

“Apa yang saya tahu ialah nilai tambatan ringgit kepada dolar perlu disemak selalu, harga petroleum telah naik dan dolar AS telah mengalami susut nilai,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL), di sini hari ini.

Sebagai seorang pemimpin yang memperkenalkan tambatan ringgit yang membantu memulihkan ekonomi negara,

beliau berkata, tambatan ringgit selama ini telah menunjukkan kejayaannya.

Namun beliau menjelaskan, dalam sebarang keadaan ekonomi, penilaian dan semakan terhadap tambatan perlu dilakukan.

“Apa yang saya nak bagi tahu, jika tambatan nilai ringgit kita tidak berdaya saing dengan negara jiran, kita perlu membuat semakan, dan jika tambatan ringgit kukuh sekalipun, kita juga perlu buat semakan,” kata beliau.

Walaupun kerajaan belum bercadang untuk menarik balik tambatan ringgit pada masa ini, tetapi telah wujud cadangan daripada ahli-ahli ekonomi supaya ia dikaji semula.

Malah, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) turut menggesa Malaysia mengapung semula ringgit kerana ekonomi negara ini semakin kukuh.

IMF melihat wujudnya kekuatan fundamental di dalam ekonomi Malaysia yang mewajarkan negara menamatkan tambatan ringgit kepada dolar AS.

Tambatan ringgit kepada dolar merupakan langkah kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir pada bulan September 1998, untuk menangani serangan spekulator mata wang antarabangsa yang menyebabkan nilai ringgit jatuh sehingga paras terendah RM4.88 kepada setiap dolar AS, berbanding kira-kira RM2.52 pada tahun 1996.